

17 JUN 2003

PPP MAHU HAKAKAH DIKENAKAN TINDAKAN KERANA HINA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Parti Progresif PENDuduk (PPP) meminta kerajaan membatalkan permit penerbitan Harakah kerana akhbar milik PAS itu telah melakukan penghinaan amat berat terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan meletakkan lakaran mengenai Perdana Menteri di sebelah gambar khinzir.

Presiden PPP Datuk M.Kayveas, yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, berkata apa yang dilakukan oleh akhbar itu membuktikan bahawa PAS tidak pernah mempunyai rasa hormat terhadap negara dan pemimpinnya.

"Datuk Seri Dr Mahathir bukan sahaja pemimpin Umno, tetapi beliau adalah Perdana Menteri yang mewakili semua rakyat negeri ini termasuk pemimpin PAS sendiri.

"Hanya kerana mereka parti pembangkang, tidak bermakna mereka boleh bertindak sesuka hati dan menghina pemimpin negara. Ini adalah perbuatan yang boleh dikenakan tindakan mahkamah," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Keluaran terbaru Harakah memaparkan lakaran mengenai Dr Mahathir di sebelah seekor khinzir bagi mengaitkannya sebagai penyebab berlakunya wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

"Sudah sampai masanya tindakan dikenakan terhadap mereka kerana selama ini, mereka tidak pernah berhenti dari memfitnah dan menghina kerajaan serta barisan pemimpin yang ada," kata Kayveas.

--BERNAMA
SOP RV MAI